

JABATAN PELAJARAN NEGERI TERENGGANU
PERCUBAAN UPSR 2008
BAHASA MELAYU
KERTAS 1

- 2 -

SULIT

011

Arahan Am:

Tiap-tiap soalan diikuti pilihan jawapan A, B, C dan D. Antaranya, ada satu sahaja jawapan yang betul. Pilih jawapan itu. Kemudian, tandakan jawapan kamu pada kertas jawapan. Hitamkan ruangan yang sama dengan jawapan yang kamu pilih.

Soalan 1 hingga Soalan 20

Isi tempat kosong dalam ayat-ayat di bawah dengan jawapan yang paling sesuai.

- 1 “Jamal, tolong ambilkan buku _____ di atas rak itu dan _____ berikan kepada Kamil,” kata Cikgu Liza.
- A dia.....anda
 - B saya kamu
 - C kitaawak
 - D kamu saya

Soalan 2 berdasarkan Gambar 1



Gambar 1

- 2 Ayah sedang _____ adik sambil membaca senaskhah akhbar.
- A mendukung
 - B menyandar
 - C memangku
 - D meletak

- 3 Puan Suri berasa _____ akan pengakuan yang dibuat oleh anaknya.
- A sangsi
 - B gundah
 - C serik
 - D gelisah
- 4 Kisah kehidupan sebenar wanita itu telah _____ di televisyen dalam rancangan khas "Bersamamu".
- A tersiar
 - B siaran
 - C penyiaran
 - D menyiarkan

Soalan 5 berdasarkan Gambar 2



Gambar 2

- 5 Ramli dengan adiknya _____ kedua-dua ibu bapa mereka untuk memohon kemaafan.
- A bersalam
 - B menyalami
 - C persalaman
 - D bersalam-salaman

- 6 Pihak sekolah akan mengadakan Hari Kantin _____ mendapat sambutan daripada warga sekolah dan ibu bapa.
- A walaupun
 - B sekiranya
 - C apabila
 - D sewaktu

Soalan 7 berdasarkan Gambar 3



Gambar 3

- 7 Mariah _____ gagang telefon sambil _____ dengan seorang kawan baiknya.
- A memautbercakap
 - B meletak berborak
 - C menyentuh bertanya
 - D mengangkat.... berbual
- 8 Zainal dan kawannya menggunting rambut di _____.
- A Kedai Menggunting Rambut Harun
 - B Harun Kedai Gunting Rambut
 - C Kedai Gunting Rambut Harun
 - D Harun Kedai Menggunting Rambut

- 9 "Kalau ada kelapangan, _____ datang ke rumah saya esok," pelawa Encik Rahim kepada kami sekeluarga.
- A usahlah
 - B tolonglah
 - C jemputlah
 - D haraplah
- 10 Hatinya menjadi _____ sebelum memasuki bilik temu duga itu..
- A gundah-gulana
 - B remuk-redam
 - C kusut-masai
 - D sedu-sedan


Soalan 11 berdasarkan gambar 4



Gambar 4

- 11 Ibu meletakkan _____ makanan di atas hamparan tikar sambil menghulurkan _____ nasi kepada ayah.
- A sepinggan....semangkuk
 - B sehidangan ...sepinggan
 - C sebungkussekepal
 - D semangkuk...sesuap

Soalan 12 berdasarkan gambar 5



Gambar 5

- 12 Aini sedang _____ nota yang diberi oleh guru di dalam bukunya.
- A menganalisa
 - B menconteng
 - C mengkaji
 - D mencatat
- 13 Adila _____ menyertai pertandingan deklamasi sajak yang berlangsung di Dewan Seri Budi semalam.
- A telah
 - B masih
 - C belum
 - D sedang


Soalan 14 berdasarkan gambar 6



Gambar 6

- 14 Kata Encik Sufian, “ _____, rajin sungguh kamu berdua menolong ayah mencuci kereta!”
- A Wah
 - B Hai
 - C Amboi
 - D Aduhai

Soalan 15 berdasarkan Gambar 7



Gambar 7

- 15 Kanak-kanak yang terlantar di wad itu sedang _____ oleh seorang doktor sambil _____ ayahnya.
- A dikaji ... dilihat
 - B diperiksa ditonton
 - C disuntik... disaksikan
 - D dirawat... diperhatikan
- 16 Program gotong-royong yang diadakan setiap tahun di kawasan perumahan itu adalah untuk _____ penduduk setempat.
- A menggabungalinkan
 - B menyatupadukan
 - C menitikberatkan
 - D menganaktirikan
- 17 Akibat sikap _____ terhadap pemuda itu, keluarganya telah mendapat malu walaupun dia tidak bersalah.
- A serah diri
 - B pilih bulu
 - C pilih kasih
 - D serkap jarang

- 18 Ibu menyalakan _____ ubat nyamuk di bilik tidur adik.
- A selingkar
 - B segulung
 - C sekeping
 - D segelung
- 19 "Kalau ada _____ yang terjumpa beg duit Azmina, sila kembalikan kepadanya segera," kata Farah.
- A apa-apa
 - B bila-bila
 - C siapa-siapa
 - D mana-mana
- 20 "Kita haruslah membuat sesuatu kerja yang diberi dengan tekun supaya mendapat hasil yang baik. Janganlah kita amalkan membuat kerja _____," pesan nenek.
- A seperti enau dalam belukar
 - B seperti melepaskan batuk di tangga
 - C seperti si kudung mendapat cincin
 - D seperti langit dengan bumi
- 21 Pasukan bola sepak kumpulan belia telah tewas di tangan pasukan kumpulan remaja dalam perlawanan persahabatan baru-baru ini.
- Perkataan seerti tewas ialah**
- A binasa
 - B musnah
 - C hancur
 - D tumpas

- 22 Majlis pertemuan antara pelajar baru dengan pelajar lama telah diadakan di dewan besar.

Perkataan **berlawanan** bagi pertemuan ialah

- A perpisahan
 - B perkenalan
 - C peninggalan
 - D perkelahian
- 23 *Pilih ayat-ayat yang menggunakan perkataan bergaris dengan betul .*
- I Kami telah membeli barangan berharga itu dengan harga yang murah.
 - II Umair merupakan seorang dermawan yang murah hati..
 - III Rezekinya murah pada hari ini kerana jualannya laris.
 - IV Mukanya kelihatan murah sahaja apabila dimarahi.
- A I dan II sahaja
 - B I, II dan III sahaja
 - C I, III dan IV sahaja
 - D II, III dan IV sahaja
- 24 Bagaimanakah keadaan mangsa yang telah dilanda ribut taufan?
Pilih jawapan yang paling sesuai bagi ayat tanya di atas.
- A Mereka tidak dapat menyelamatkan diri.
 - B Mereka cuba menyelamatkan diri ketika kejadian.
 - C Saya turut membantu untuk menyelamatkan mangsa.
 - D Banyak harta benda yang musnah dan ramai yang tercedera.

25 Kami sedar akan kesilapan yang lalu dan cuba memperbaikinya.

Pilih **soalan** yang paling sesuai bagi ayat di atas.

- A Siapakah yang akan menasihati kamu?
- B Bilakah kamu mula berubah fikiran?
- C Adakah kamu kesal atas tingkah laku kamu itu?
- D Mengapakah kamu kesal atas kesalahan itu?

Soalan 26 - 27

Pilih ayat yang sama maksud dengan ayat yang diberikan.

26 Pelbagai pertandingan telah diadakan sempena Pesta Karnival Dadah di Sekolah Menengah Kebangsaan Belara pada minggu lepas.

- A Pesta Karnival Dadah telah menganjurkan beberapa pertandingan pada minggu lepas.
- B Sekolah Menengah Kebangsaan Belara telah mengadakan pelbagai pertandingan Karnival Dadah..
- C Sekolah Menengah Kebangsaan Belara menjadi tempat pertandingan ketika Pesta Karnival Dadah diadakan.
- D Sempena Pesta Karnival Dadah pada minggu lalu, beberapa pertandingan telah diadakan bertempat di Sekolah Menengah Kebangsaan Belara.

27 “Saya akan beri hadiah sekiranya kamu dapat menunjukkan prestasi yang baik dalam peperiksaan percubaan UPSR ini,” kata Cikgu Rosliza kepada murid-muridnya.

- A Cikgu Rosliza ingin memberi hadiah kepada murid-muridnya yang menduduki peperiksaan percubaan UPSR.
- B Murid-murid meminta Cikgu Rosliza membelikan hadiah untuk mereka selepas peperiksaan percubaan UPSR.
- C Murid-murid akan diberi hadiah oleh Cikgu Rosliza sekiranya mereka mencapai keputusan yang baik dalam peperiksaan percubaan UPSR.
- D Cikgu Rosliza akan diberi hadiah oleh murid-muridnya jika dia mencapai keputusan yang baik dalam peperiksaan percubaan UPSR.

Soalan 28 hingga Soalan 30

Pilih ayat yang betul

- 28**
- A Ibu menyuapkan sesudu sup di mulut adik.
 - B Safwan telah menerima satu panggilan telefon dari abangnya.
 - C Pak Uteh memberi rumput-rumput ke lembu-lembunya.
 - D Amirul telah menampal lukisannya pada dinding bilik tidurnya.
- 29**
- I Faiz telah makan dua ketul ayam goreng di kedai itu.
 - II Saya tidak tahu bila mereka akan pulang..
 - III Izat selalu menolong emaknya kuih-muih menjual di gerai.
 - IV Aminin adalah di antara beberapa peserta yang telah ditemu duga.
- A I dan II sahaja
 - B I dan III sahaja
 - C II dan IV sahaja
 - D III dan IV sahaja
- 30**
- I Nama adik kamu tadi siapakah?
 - II Yang berbaju biru itu, adik kamu?
 - III Bilakah mereka akan kembali ke sini?
 - IV Apakah yang mereka perkatakan sebentar tadi?
- A I dan II sahaja
 - B II dan III sahaja
 - C I, III dan IV sahaja
 - D II, III dan IV sahaja

Soalan 31 hingga Soalan 35

Baca petikan di bawah dan kemudian jawab soalan-soalan berikutnya.

MELAKA, 19 Jun 2008 – Kementerian Kesihatan dengan kerjasama Kementerian Pelajaran sudah melantik seramai 156 guru dan 71 anggota kesihatan di seluruh negara sebagai fasilitator Kelab Doktor Muda (KDM). Ini adalah sebagai satu usaha untuk memberi pendedahan pendidikan kesihatan kepada pelajar sekolah rendah dengan harapan, mereka menanam minat untuk menyertai profesion itu selepas melanjutkan pelajaran ke peringkat menengah.

Pengarah Bahagian Promosi Kesihatan, Abdul Jabar Ahmad, berkata, sejak awal bulan lalu, tiga sesi program ‘latih dan melatih’ sudah dijalankan di seluruh negara. Beliau berkata, program itu bertujuan melatih fasilitator yang dipilih dengan pengetahuan dan *kemahiran yang mantap* untuk melaksanakan KDM di sekolah rendah.

Semua fasilitator ini akan bekerja secara berpasukan dalam menjayakan tanggungjawab bersama untuk menjalankan latihan kepada guru penasihat KDM di sekolah di negeri masing-masing.

“Shingga Disember lalu, sebanyak 826 sekolah rendah di seluruh negara sudah melaksanakan program ini dengan membabitkan seramai 21,907 doktor muda,” katanya selepas merasmikan Majlis Penutup Konvensyen Doktor Muda Peringkat Kebangsaan kali ke-3 di Grand Water City Hotel, di Bukit Katil, dekat sini, semalam.

KDM adalah program promosi kesihatan yang dilaksanakan di sekolah rendah di seluruh negara yang dirangka kedua-dua kementerian itu untuk memperkasakan murid sekolah rendah dengan pengetahuan dan kemahiran asas kesihatan supaya mereka dapat membudayakan amalan hidup sihat.

*(Petikan akhbar Berita Harian
20 Jun 2008)*

- 31 Siapakah yang terlibat dalam melaksanakan Kelab Doktor Muda?
- A Kementerian Kesihatan
 - B Kementerian Pelajaran
 - C Encik Abdul Jabar Ahmad
 - D Kementerian Kesihatan dan Kementerian Pelajaran

- 32 Berapakah jumlah fasilitator Kelab Doktor Muda yang telah dilantik?
- A 71 orang
 - B 156 orang
 - C 227 orang
 - D 21907 orang
- 33 Frasa *kemahiran yang mantap* dalam petikan membawa maksud
- A kecekapan yang stabil
 - B kerajinan yang tinggi
 - C kebolehan yang diperakui
 - D kepandaian yang diiktiraf
- 34 Pilih pernyataan yang **tidak benar** tentang petikan di atas.
- A Sesi program melatih fasilitator Kelab Doktor Muda telah diadakan sebanyak tiga kali di seluruh negara.
 - B Majlis Penutup Konvensyen Doktor Muda Peringkat Kebangsaan telah diadakan di Grand Water City Hotel.
 - C Semua murid sekolah rendah telah dipilih untuk menyertai program Kelab Doktor Muda.
 - D Fasilitator yang dilantik ditugaskan melatih guru penasihat Kelab Doktor Muda.
- 35 Kelab Doktor Muda ditubuhkan adalah untuk
- A mempromosikan bakat kanak-kanak yang bercita-cita tinggi.
 - B melatih fasilitator bekerjasama dalam melaksanakan tanggungjawab.
 - C menanam minat murid untuk menjadi doktor pakar pada masa hadapan.
 - D memperkasakan murid sekolah rendah dengan pengetahuan dan kemahiran asas kesihatan.

Soalan 36 hingga Soalan 40

Baca puisi di bawah dengan teliti dan jawab soalan-soalan yang berikutnya.

Kelmarin
Sekali jala ditebar
Ribuan ikan menggelepar
Sekali pukut dipasang
Ribuan ikan tersangkut di matanya.

Hari ini
Anak-anak kita tidak merasa manisnya
Daging ikan haruan, puyu dan keli
Apatah lagi ikan kelah
Air sungai berminyak dan beracun
Membunuh benih segala jenis ikan
Sang Bedal menjadi lemas
Dan menunggu pupus

Hari ini,
Air tidak lagi dikocak ikan
Mengalir lesu penuh sedu
Warnaku kini hitam dan legam
Hanyir dan busuk menusuk
Aku sungai luka mengalir duka
Betapa aku dizalimi manusia
Durjananya membunuh segala yang ada.

- 36 Apakah tema sajak puisi di atas?
- A Hidupan air
 - B Pencemaran air
 - C Pengaliran air
 - D Tumbuhan air
- 37 Dalam rangkap yang pertama pemuisi ingin menyatakan
- A nelayan hidup mewah dengan hasil tangkapan yang banyak
 - B jala dan pukot merupakan alat menangkap ikan yang popular
 - C banyak ikan yang mati kerana tersangkut di mata jala
 - D pada masa dahulu ikan sangat banyak dan amat mudah diperolehi
- 38 Mengapakah pada masa kini kita susah mendapatkan ikan sungai?
- A Benihnya dimakan oleh Sang Bedal
 - B Berlaku pencemaran dan keracunan
 - C Ikan ditangkap dengan banyaknya
 - D Pengaliran air sungai yang tersekat
- 39 Semua jenis ikan yang dinyatakan terdapat dalam petikan **kecuali**
- A ikan keli
 - B ikan puyu
 - C ikan bawal
 - D ikan haruan
- 40 Frasa *aku sungai luka mengalir duka* bermaksud
- A pencemaran sungai sangat teruk
 - B banyak berlaku kepupusan ikan sungai
 - C aliran sungai yang tersekat
 - D bau air sungai yang busuk dan hanyir

KERTAS SOALAN TAMAT